

Jenayah seks: Segera laksanakan hukuman berat

UM 15 APR 2002

BANGI 14 April — Puteri UMNO menggesa kerajaan mempercepat langkah menyemak semula Seksyen 376 Ka-

nun Keseksaan bagi membolehkan hukuman lebih berat dikenakan kepada pesalah jenayah seks termasuk **sumbang mahram**.

Pengerusi Biro Perundangan Puteri UMNO, Wan Azalina Wan **Adnan** berkata, ia penting bagi memelihara kebajikan dan keselamatan wanita serta **kanak-kanak** yang sentiasa terdedah kepada risiko jenayah sekual.

Beliau berkata, gesaan tersebut merupakan antara beberapa perkara yang terkandung di dalam memorandum Puteri kepada kerajaan bagi menentang **sumbang mahram** dan jenayah seks ke atas wanita dan **kanak-kanak**.

“Puteri UMNO kesal dengan situasi sekarang dan mengutuk sekeras-kerasnya **sumbang mahram** dan jenayah seks terhadap wanita dan **kanak-kanak**,” katanya.

Memorandum tersebut diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada majlis penutup Kursus Perdana Generasi Wa-

nita Prihatin yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Universiti Tenaga Nasional di sini hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, perkara lain yang dicadangkan ialah menggesa kerajaan memperluaskan takrif **sumbang mahram merangku** mi anak angkat yang diambil secara sah.

Kaunseling

Selain itu, katanya, Puteri UMNO juga menggesa Pusat Khidmat Sepadu yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 1993 diperluaskan ke setiap hospital kerajaan.

Beliau berkata, langkah itu penting bagi menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk mangsa dan keluarga jenayah seks.

“Puteri UMNO juga ingin mencadangkan agar pesalah-pesalah jenayah seks diberi rawatan terperinci semasa menjalankan hukuman penjara,” katanya.